

**Soalan Lazim (FAQ) Berkenaan Permohonan Moratorium Pembiayaan CBP  
1 April 2020**

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah objektif moratorium ini?	<p>Tujuan moratorium ini adalah untuk meringankan beban individu dan perniagaan yang menghadapi kekangan kewangan sementara atas implikasi dan krisis yang dihadapi akibat wabak COVID- 19.</p> <p>CBP berharap program ini dapat meningkatkan keupayaan individu dan syarikat perniagaan untuk menghadapi tempoh yang mencabar ini. Moratorium ini hanya sementara dan pembayaran balik pembiayaan akan disambung semula selepas tempoh moratorium.</p>
2	Adakah setiap pelanggan CBP layak mendapat moratorium pembayaran pembiayaan CBP secara automatik seperti yang dinyatakan di dalam surat BNM bertarikh 24 Mac 2020?	<p>Moratorium automatik pembiayaan CBP diberikan kepada Pelanggan Individu CBP sahaja.</p> <p>Bagi pelanggan yang akan bersara perkhidmatan dalam tempoh 12 bulan dari 01 April 2020 adalah tidak layak bagi moratorium automatik ini</p> <p>Bagi pelanggan sektor Korporat dan Koperasi, setiap permohonan moratorium akan dipertimbangkan oleh CBP. Untuk permohonan moratorium, sila emel ke <a href="mailto:moratorium@cbp.com.my">moratorium@cbp.com.my</a></p>
3	Adakah semua jenis pembiayaan yang ditawarkan CBP layak mendapat moratorium?	Moratorium ini melibatkan semua jenis pembiayaan Pelanggan Individu sahaja.
4	Apakah syarat/kelayakan pelanggan untuk memohon moratorium pembiayaan CBP?	<p>Syarat / kelayakan untuk dimasukkan dalam program moratorium automatik ialah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada tunggakan melebihi 90 hari pada 1 April 2020, dan</li> <li>2. Pembiayaan dalam Ringgit Malaysia.</li> </ol>
5	Berapakah tempoh moratorium yang diberikan oleh CBP?	Tempoh moratorium adalah 6 bulan bermula <b>1 April 2020 sehingga 30 September 2020.</b>
6	Bolehkah saya memohon tempoh moratorium melebihi tempoh yang diberikan oleh CBP?	Tidak.

7	Bolehkah saya memohon supaya moratorium ini tidak dikenakan kepada pembiayaan saya yang sedia ada?	Semua pelanggan akan diberikan penangguhan pembayaran pembiayaan secara automatik jika memenuhi kriteria. Sekiranya pelanggan memilih untuk tidak menerima tawaran moratorium secara automatik ini, sila emel kepada kami di <a href="mailto:moratorium@cbp.com.my">moratorium@cbp.com.my</a> atau hubungi kami di talian 1-300-88-7650.
8	Adakah moratorium layak bagi pembiayaan yang baru dikeluarkan oleh CBP sebelum 1 April 2020?	Ya, semua pembiayaan individu yang dikeluarkan sebelum 01 April 2020 layak mendapat moratorium automatik.
9	Saya baru sahaja membuat pembayaran ansuran bulanan yang pertama pada bulan Mac, adakah saya layak mendapat moratorium dari CBP?	Ya, anda layak menerima moratorium automatik ini.
10	Pembiayaan saya mempunyai tunggakan melebihi 90 hari, adakah saya layak bagi Moratorium?	Tidak layak sekiranya pembiayaan mempunyai tunggakan melebihi 90 hari pada 01 April 2020.  Walau bagaimanapun, anda boleh menghubungi CBP di talian 1-300-88-7650 bagi memohon ke program Penjadualan atau Penstrukturan Semula Pembiayaan berdasarkan kepada kelayakan dan ia tertakluk ke atas budibicara CBP sepenuhnya.
11	Saya mempunyai potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) bagi pembayaran ansuran bulanan ke CBP? Perlukah saya berurusan dengan pihak BPA berkenaan moratorium ini?	Tidak perlu, CBP akan berurusan terus dengan pihak BPA bagi pelaksanaan moratorium ini.  CBP akan mengkredit semula pembayaran yang telah dibuat untuk bulan April ke dalam akaun pelanggan CBP.
12	Saya mempunyai potongan gaji melalui Panel Majikan (PGM) bagi pembayaran ansuran bulanan ke CBP. Perlukah saya berurusan dengan pihak Majikan berkenaan moratorium ini?	Tidak perlu. CBP akan berurusan terus dengan pihak Panel Majikan bagi pelaksanaan moratorium ini.  Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memastikan potongan gaji diaktifkan semula selepas tamat tempoh moratorium.
13	Saya merupakan pekerja swasta dan pembayaran pembiayaan adalah melalui 'post dated cheque'. Adakah saya perlu membatalkan semua 'cheque' yang telah dikeluarkan?	Tidak perlu. 'Cheque' tersebut akan dipulangkan semula kepada pelanggan selepas tamat tempoh moratorium.

14	Bagaimanakah proses pembayaran setelah tamat tempoh moratorium (6 bulan)?	<p>Sekiranya pembayaran melalui Biro Potongan ANGKASA (BPA) atau Potongan Gaji Majikan (PGM), pembayaran akan diaktifkan semula selepas tempoh moratorium tamat.</p> <p>Manakala bagi pembayaran selain BPA/PGM, CBP akan menghubungi pelanggan dan juga majikan pelanggan tersebut.</p> <p>Walau bagaimanapun, setiap pelanggan hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan pembayaran dibuat selepas tamat moratorium.</p>
15	Adakah caj pembayaran lewat semasa moratorium tidak perlu dibayar dan dimansuhkan?	Ya, tiada caj pembayaran lewat (Ta'widh atau Gharamah) dikenakan bagi tempoh moratorium ini.
16	Sekiranya saya <b>menolak</b> moratorium ini, adakah saya akan dikenakan caj sekiranya pembayaran lewat?	Ya, caj pembayaran lewat (Ta'widh) akan dikenakan mengikut terma dan syarat pembiayaan sedia ada.
17	Saya mempunyai pembiayaan melebihi daripada 1 akaun dengan CBP, adakah saya layak menerima moratorium ini untuk kesemua akaun pembiayaan berkenaan?	Ya. Semua akaun pembiayaan peribadi layak mendapat moratorium automatik tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh CBP.
18	Adakah saya perlu menandatangani perjanjian pembiayaan baharu berikutan pelaksanaan moratorium ini?	Tidak.
19	Sekiranya saya tidak memenuhi syarat bagi moratorium oleh CBP, adakah cara lain yang boleh ditawarkan oleh CBP kepada saya selaku pelanggan?	Penjadualan atau Penstrukturan Semula Pembiayaan berdasarkan kepada kelayakan dan ia tertakluk ke atas budibicara CBP sepenuhnya.
20	Bolehkah pembiayaan di bawah program AKPK layak untuk pakej moratorium?	Layak, untuk akaun bertunggakan 90 hari ke bawah.
21	Sekiranya saya masih mengalami masalah pembayaran selepas tempoh moratorium tamat, adakah CBP menyediakan pilihan pembayaran yang lain untuk saya?	Ya, pelanggan hendaklah merujuk kepada CBP. Walau bagaimanapun, segala keputusan tertakluk kepada kelulusan CBP.
22	Apakah pembiayaan ini diklasifikasikan sebagai penjadualan semula (reschedule) atau penstrukturan semula (restructured)?	Tidak. Akaun ini tidak akan diklasifikasikan sebagai penjadualan semula atau penstrukturan semula dan rekod adalah kekal seperti sedia ada.
23	Bolehkah pembiayaan di bawah program penjadualan semula dan penstrukturan semula (R&R) layak untuk pakej penangguhan?	Pembiayaan di bawah program penjadualan dan penstrukturan semula juga layak mendapatkan penangguhan tertakluk pada kriteria yang ditetapkan.
24	Bilakah pembayaran akan dimulakan selepas tamat tempoh moratorium?	Bayaran bulanan akan bermula semula pada 1 Oktober 2020.

25	Adakah aktiviti lelongan Ar-Rahnu akan berjalan seperti biasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?	Aktiviti lelongan Ar Rahnu ditangguhkan semasa tempoh PKP.
26	Adakah saya masih boleh untuk memohon pembiayaan baharu daripada CBP semasa tempoh moratorium?	Ya, pelanggan masih boleh memohon untuk pembiayaan lain dengan CBP. Permohonan pelanggan adalah tertakluk kepada kelulusan kredit oleh pihak CBP.
27	Adakah moratorium ini dapat digunakan bagi pembiayaan dikeluarkan selepas 1 April 2020	Untuk pengeluaran pembiayaan selepas 1 April 2020, CBP <b>tidak akan</b> memberikan moratorium secara automatik.  Pelanggan boleh membuat permohonan dan ianya tertakluk kepada kelulusan CBP.
28	Adakah laporan CCRIS diambilkira sebagai tiada bayaran dalam tempoh Moratorium?	Penangguhan bayaran dalam tempoh moratorium ini tidak akan direkodkan sebagai tidak berbayar di bawah mana-mana agensi 'credit ratings' yang diluluskan.
29	Di manakah boleh saya semak jumlah baki pembiayaan?	Sila layari e-semakan CBP di laman <a href="http://bit.ly/semakCBP">http://bit.ly/semakCBP</a>

## Co-opbank Pertama 1 April 2020

### Nota:

Sebarang maklumat tambahan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.